

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes harian kembali meningkat

Sejumlah 5,683
jangkitan lagi
dilapor, lapan
kematian direkod

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kes harian COVID-19 di negara ini kembali mencatatkan peningkatan dengan 5,683 kes dilaporkan setakat tengah malam kelmarin, berbanding 3,902 kes sehari sebelumnya.

Menerusi laman sesawang COVID-19, jumlah jangkitan baharu itu membabitkan 5,683 kes penularan tempatan dengan dua kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Jumlah berkenaan sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes penularan wabak berkenaan meningkat kepada 4,635,648 kes.

Pertambahan kes baharu itu menjadikan sehingga kini terdapat 45,484 kes yang masih aktif.

Daripada jumlah itu, 96.4 peratus atau 43,858 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selebihnya, iaitu 3.4 peratus bersamaan 1,531 kes sedang mendapatkan rawatan di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (39), unit rawatan rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (35) dan ICU serta tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (21).

3,337 kes sembuh dilaporkan
Dalam pada itu, setakat tengah malam kelmarin, 3,337 kes sembuh dilaporkan, menjadikan jumlah individu pulih daripada jangkitan berkenaan adalah sebanyak 4,554,286 kes.

Mengenai kadar penggunaan ICU di seluruh negara, data menunjukkan kini ia berada pada paras 63.1 peratus dengan lapan negeri mencatatkan penggunaan melebihi 60 peratus.

Selangor mencatatkan penggunaan ICU paling tinggi pada kadar 78.1 peratus, diikuti Kelantan dengan 74.1 peratus, Kedah (73.4 peratus), Johor (71.2), Putrajaya (70 peratus) dan Kuala Lumpur (69.6 peratus).



Orang ramai perlu terus memakai pelitup muka khususnya di tempat umum bagi mengelak penularan COVID-19. (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

Sabah pula mencatatkan penggunaan 67.4 peratus dan Negeri Sembilan (65.3 peratus).

Turut dilaporkan, lapan kes kematian dengan lima kes mening-

gal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Ia menjadikan sehingga kini jumlah keseluruhan angka korban akibat jangkitan berkenaan,

35,878 kes.

Daripada jumlah itu, sebanyak 7,614 kes meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Wad hospital di Kelantan makin sesak

Kota Bharu: Wad hospital kerajaan di Kelantan yang menawarkan khidmat kepakaran kini semakin sesak berikutan peningkatan ketara kemasukan pesakit perubatan dan pediatrik (kanak-kanak) sejak awal bulan ini.

Kedua-dua itu menyebabkan bilangan katil setiap hospital daerah di seluruh negeri terpaksa ditambah sebanyak 10 peratus dengan mobilisasi kakitangan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) untuk pengoperasian wad tambahan baharu.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata situasi yang berlaku ketika ini menyebabkan waktu menunggu pesakit untuk dimasukkan ke dalam wad meningkat sehingga melebihi empat jam.

Wujud sistem kordinasi katil berpusat

"Jabatan sudah mengambil beberapa langkah menangani masalah ini seperti mengoptimalkan penggunaan katil di hospital dengan mewujudkan sistem koordinasi katil berpusat serta rujukan secara zon bagi mengurangkan rujukan ke HRPZ II di sini.

"Selain itu, kami turut menukar wad yang ada di hospital Tumpat, Jeli, Machang dan Pasir Mas yang mempunyai bilangan pesakit yang rendah kepada wad



Suasana dalam wad pediatrik di Hospital Raja Perempuan Zainab II yang sesak. (Foto Ihsan pembaca)

multidisiplin.

"Bilangan katil juga ditambah kepada hospital setiap daerah sebanyak 10 peratus, selain melakukan mobilisasi staf dari hospital seluruh negeri Kelantan ke HRPZ II untuk pengoperasian wad tambahan baharu," katanya.

Dr Zaini berkata, pihaknya turut mencadangkan pengoperasian semula Hospital Kuala Krai bagi membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

Katanya, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan sentiasa peka dengan masalah yang berkaitan

dengan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Dalam satu perkongsian di Facebook, seorang waris pesakit mendakwa hampir semua wad pediatrik (kanak-kanak) di sekitar Kota Bharu ketika ini dilaporkan penuh dan hampir tiada katil untuk pesakit baharu.

Sementara itu media kelmarin melaporkan peningkatan kes influenza (ILI) dan jangkitan saluran pernafasan atas (URTI) dalam kalangan kanak-kanak di negeri ini, menyebabkan wad kanak-kanak di hospital awam di Johor mengalami sedikit kesesakan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, dilaporkan berkata ia berikutan Johor mencatatkan peningkatan lima peratus kadar kes ILI dan URTI dalam kalangan kanak-kanak yang memerlukan mereka mendapat rawatan di hospital.

Bagaimanapun, katanya, kadar penggunaan katil di semua wad hospital awam di negeri ini masih terkawal dengan kadar 76 peratus, pada masa ini.

Beliau berkata, ia peningkatan empat peratus berbanding hanya 72 peratus kadar penggunaan katil di semua wad hospital awam negeri ini bagi minggu epid 27.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

KKM keluar 30,311 notis larangan merokok

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan mengeluarkan sebanyak 30,311 notis Seksyen 32B di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakan 2004 (PPKHT) dari Januari sehingga Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata jumlah itu meningkat berbanding keseluruhan jumlah notis yang dikeluarkan pada tahun lalu, iaitu 15,163 notis.

Katanya, pada 2020 sebanyak 34,338 notis dikeluarkan, manakala pada 2019 (50,946 notis) dan 2018 (57,258 notis).

"Tahniah kepada penguat kuasa Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP) Kementerian Kesihatan (KKM).

"Setakat Jun (enam bulan pertama) 2022 adalah tahun paling banyak penguatkuasaan dilaksanakan terhadap peraturan larangan merokok di tempat awam.

"Insya-Allah Julai hingga Disember lagi hebat dan dahsyat!" katanya dalam ciapan di akaun Twitter miliknya, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

RUU kawalan tembakau bantu usaha jayakan Generasi Penamat



Yang Dipertua
IKRAM Health
Malaysia

Oleh Dr Mohd Aliq Mohd Nor
bhrencana@bh.com.my

Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok yang bakal dibentangkan di Dewan Rakyat sedikit masa lagi ibarat 'nafas baharu' kepada Keluarga Malaysia bagi membendung gejala merokok dalam masyarakat ketika ini.

Walaupun ramai kecewa atas keputusan kerajaan tidak membuat larangan penuh penggunaan dan penjualan rokok elektronik (vape) seperti Thailand, Brunei Darussalam dan Singapura, namun cadangan melarang generasi lahir selepas 2005 membeli atau memiliki produk rokok termasuk vape perlu disokong Ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

Pelaksanaan pelan 'Generasi Penamat', iaitu generasi berusia 18 tahun pada tahun depan bebas rokok yang diuar-uarkan ini diharap dapat menurunkan peratusan merokok sehingga kurang daripada 5.0 peratus seperti disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Melalui tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) oleh Kementerian Kesihatan (KKM), peratusan perokok pada 2006 adalah 22.8 peratus dan meningkat kepada 23.1 peratus pada 2011. Trend penurunan yang sangat sedikit dilihat daripada 2015, iaitu 22.8 peratus turun kepada 21.3 peratus pada 2019.

Pengguna rokok elektronik meningkat

Pada tempoh sama, masalah menghisap rokok elektronik dilihat semakin membimbangkan yang mana pada 2016 pengguna dewasa sebanyak 3.2

peratus, tetapi meningkat kepada 4.9 peratus pada 2019.

Jika dikira berdasarkan jumlah penduduk, pengguna rokok elektronik meningkat daripada 600,000 orang kepada 1.2 juta di Malaysia. Ia satu angka peningkatan yang besar dan membimbangkan.

Umum perlu mengetahui kesan penggunaan rokok elektronik berbanding penggunaan rokok tembakau, yang mana ia akan menyebabkan penghisapnya menghidap penyakit 'EVALI'.

EVALI atau *e-cigarette or vaping use-associated lung injury* adalah penyakit baharu yang muncul sejak tiga tahun lalu akibat penggunaan rokok elektronik.

Kandungan terdapat di dalam cecair vape dibuktikan mengandungi ribuan bahan kimia berbahaya kepada tubuh manusia dan lebih menakutkan, ada di antaranya mempunyai risiko tinggi untuk menyebabkan kanser.

EVALI yang meletus sebelum pandemik COVID-19 di Amerika Syarikat (AS) dalam kalangan belia menyebabkan lebih 2,000 orang dimasukkan ke wad dan mengorbankan 68 orang. Letusan penyakit ini mengejutkan dunia kerana ramai menyangka produk ini selamat digunakan.

Di Malaysia kes EVALI memberi kesan keretakan kepada paru-paru, memberikan impak berpanjangan kepada pesakit. Dipercayai banyak lagi kes dikaitkan dengan EVALI tidak dilaporkan di Malaysia.

Justeru, usaha KKM untuk memastikan pelaksanaan Generasi Penamat ini perlu disokong sepenuhnya terutama Ahli Parlimen apabila RUU ini dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen nanti.

Jangan kita ulangi kesilapan silam sehingga mendedahkan bahaya rokok kepada generasi akan datang. Sekarang adalah masa untuk kita bersama menghentikan perbuatan sia-sia ini.



Penggunaan vape yang mengandungi ribuan bahan kimia berbahaya kepada tubuh manusia dan berisiko tinggi menyebabkan kanser.
(Foto: ihsan)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Oleh Irwan Shafrizan
Ismail
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia mencatatkan peningkatan 5,685 kes Covid-19 kelmarin berbanding 3,902 kes sehari sebelumnya, sekali gus mencetuskan kebimbangan berlaku gelombang baharu.

Menerusi laman sesawang Covidnow, jumlah jangkitan baharu itu memabitkan 5,683 kes penularan tempatan dengan dua kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Jumlah berkenaan sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes penularan wabak berkenaan di negara ini meningkat kepada 4,635,648 kes.

Pertambahan kes baharu itu menjadikan sehingga kini terdapat sebanyak 45,484 kes yang masih aktif. Daripada jumlah yang dinyatakan itu, sebanyak 96.4 peratus atau 43,858 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selebihnya iaitu 3.4 pe-



ORANG ramai kekal menggunakan pelitup muka ketika membeli barangan keperluan harian di Pasar Borong Gong Pauh, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

5,685 kes kelmarin!

Jumlah kumulatif jangkitan Covid-19 naik kepada 4,635,648 kes

ratus bersamaan 1,531 kes sedang mendapatkan rawatan di hospital, Pusat Kua-

rantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) (39), Unit Rawatan Rapi (ICU) dan me-

merlukan alat bantuan pernafasan (35) dan ICU serta tidak memerlukan alat ban-

tuan pernafasan (21).

Dalam pada itu, setakat tengah malam kelmarin, se-

banyak 3,377 kes sembuh dilaporkan di negara ini menjadikan jumlah individu pulih daripada jangkitan berkenaan adalah sebanyak 4,554,286 kes.

Mengenai kadar penggunaan ICU di seluruh negara, data menunjukkan sehingga kini ia berada di paras 63.1 peratus dengan laporan negeri mencatatkan penggunaan unit berkenaan melebihi 60 peratus.

Selangor mencatatkan penggunaan ICU paling tinggi pada kadar 78.1 peratus, diikuti Kelantan dengan 74.1 peratus, Kedah (73.4 peratus), Johor (71.2), Putrajaya (70 peratus) dan Kuala Lumpur (69.6 peratus).

Diikuti Sabah mencatatkan penggunaan sebanyak 67.4 peratus, Negeri Sembilan (65.3 peratus).

Turut dilaporkan lapan kes kematian dengan lima kes meninggal dunia diluar fasiliti kesihatan (BID).

Ia menjadikan sehingga kini jumlah keseluruhan angka korban akibat jangkitan berkenaan ialah 35,878 kes. Daripada jumlah itu sebanyak 7,614 kes meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Kes pertama BA.2.75 dikesan di Thailand

Bangkok: Kes pertama membabitkan varian Omicron BA.2.75 dikesan di wilayah Trang, Thailand.

Pusat Perubatan Genom di Hospital Ramathibodi memaklumkan sampel itu dikesan menerusi spesimen yang dikumpul pada 28 Jun.

"Analisis penjujukan genom mengesahkan sampel itu merupakan varian BA.2.75," menurut pusat perubatan itu dalam satu kenyataan.

Varian BA.2.75 yang dikenali sebagai Centaurus pertama kali dikesan di India pada awal Mei dan sudah merebak ke Singapura, Jepun, Jerman, United Kingdom, Kanada, Amerika Syarikat, Australia serta New Zealand.

Menurut pakar perubatan, varian BA.2.75 dijangka merebak dengan cepat dan mempunyai kemampuan mengganggu sistem imun yang dihasilkan oleh vaksin.

Kota Bharu: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengesan peningkatan ketara kemasukan pesakit ke wad perubatan dan pediatrik di seluruh hospital negeri itu terutama hospital berpakar sejak awal Julai lepas.

Pengarahnya Datuk Dr Zaini Hussin berkata penggunaan katil di wad hospital-hospital tersebut juga melebihi kapasiti sehingga menyebabkan waktu menunggu pesakit untuk kemasukan ke dalam wad telah meningkat sehingga empat jam.

"Pihak jabatan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah tersebut termasuk, me-

JKNK kesan peningkatan ketara kemasukan pesakit

ngoptimumkan penggunaan katil di hospital-hospital melalui sistem koordinasi katil berpusat dan rujukan secara zoning bagi mengurangkan kemasukan pesakit.

"JKNK juga telah menukar wad-wad di hospital daerah yang mempunyai bilangan pesakit rendah kepada wad multidisiplin bagi menampung pertambahan bilangan pesakit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaini

berkata langkah lain yang dilakukan termasuk meningkatkan bilangan katil di hospital-hospital daerah dan mobilisasi petugas untuk pengoperasian wad-wad tambahan baharu.

"JKNK juga dalam cadangan untuk pengoperasian semula Hospital Kuala Krai sebagai langkah untuk mengatasi kesesakan yang berlaku di seluruh hospital di negeri ini sekarang.

"Pihak jabatan berharap dengan langkah-langkah yang diambil ini, isu ter-

sebut dapat ditangani dengan segera bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan perawat pesakit di Kelantan," katanya.

Terdahulu tular menerusi satu perkongsian di laman Facebook, individu yang dikenali sebagai Mariah Fauzi mendakwa hampir semua wad pediatrik (kanak-kanak) di sekitar Kota Bharu ketika ini dilaporkan penuh dan hampir tiada katil untuk pesakit baharu.

Kota Bharu

SAIZ PURATA ISI RUMAH PERSENDIRIAN

Kelantan paling tinggi

Kelantan mencatatkan purata saiz isi rumah persendirian paling tinggi iaitu 4.9 orang bagi setiap isi rumah pada 2020.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata ia diikuti Sabah (4.7 orang) dan Terengganu (4.1 orang) manakala negeri yang mencatatkan purata saiz isi rumah terendah adalah Kuala Lumpur (3.3 orang).

Katanya, Sabah mencatatkan penurunan saiz purata yang paling ketara iaitu daripada 5.5 orang pada 2010 kepada 4.7 orang pada 2020.

Banci Malaysia 2020 merekodkan bilangan penduduk Malaysia berjumlah 32.4 juta (2010: 27.5 juta) dengan kadar purata pertumbuhan penduduk tahunan 1.7 peratus bagi tempoh 2010 hingga 2020 (2000-2010: 2.1 peratus).

"Sementara itu, bilangan penduduk di Kelantan berjumlah 1.8 juta (1,792.5) berbanding 1.4 juta pada 2010 dengan kadar purata pertumbuhan penduduk tahunan 2.0 peratus bagi tempoh 2010 hingga 2020 (2000-2010: 1.3 peratus)," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, DOSM menganjurkan Taklimat dan Penyampaian Buku Penerbitan Statistik Subnasional Dun kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ke-



NEGERI yang mencatatkan purata saiz isi rumah terendah adalah Kuala Lumpur yakni 3.3 orang.

lantan dan pembentangan telah disampaikan Dr Mohd Uzir Mahidin merangkap Pesuruhjaya Banci 2020 di Kompleks Kota Darulnaim, kelmarin.

Sesi berkenaan disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob dan majlis turut dihadiri Speaker Dun Kelantan Ab-

dullah Ya'kub dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Kenyataan itu turut memaklumkan, peralihan demografi Malaysia menunjukkan kadar kelahiran kasar (CBR) menunjukkan penurunan kepada 14.4 bagi setiap 1,000 penduduk pada

2020 dan kadar kematian kasar (CDR) juga menurun kepada 5.1 bagi setiap 1,000 penduduk pada 2020.

"Kelantan berhadapan dengan penurunan kadar kelahiran kepada 19.0 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2020.

"Penemuan utama Banci Penduduk dan Perumahan

Malaysia 2020 menunjukkan peratusan penduduk tertinggi bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Kelantan adalah di N.07 Panchor seramai 75,940 orang, diikuti N.26 Bukit Panau seramai 68,462 orang dan yang ketiga tertinggi di N.08 Tanjong Mas (66,760 orang)," katanya.



Pertumbuhan ekonomi Kelantan disumbang oleh sektor perkhidmatan sebanyak 69.2 peratus"

Ahmad Yakob

Menurut kenyataan itu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kelantan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.4 peratus pada 2021 berbanding penurunan sebanyak 1.2 peratus pada 2020.

Katanya, berbanding KDNK Nasional, ekonomi Kelantan dimonopoli oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian yang menyumbang 92.0 peratus kepada KDNK Kelantan.

"Pertumbuhan ekonomi Kelantan disumbang oleh sektor perkhidmatan sebanyak 69.2 peratus, diikuti oleh sektor pertanian sebanyak 22.8 peratus dan sektor pembuatan menyumbang sebanyak 4.9 peratus.

"Selain itu sektor pembinaan dan perlombongan serta pengkvarian masing-masing menyumbang 1.6 peratus dan 1.4 peratus," menurut kenyataan itu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

Keluar 30,311 notis kesalahan merokok di tempat awam

Kuala Lumpur: Sebanyak 30,311 notis kesalahan merokok di tempat awam dikeluarkan sejak Januari hingga Jun tahun ini, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, tahun 2022 adalah tahun paling banyak penguatkuasaan dilaksanakan terhadap peraturan larangan merokok di tempat awam.

"Tahniah kepada penguatkuasa SIP (Sektor Inspektorat dan Perundangan) KKMPutrajaya. Insya'Allah Julai-Disember lagi hebat dan dasyat! #GEG#NoSmoking," katanya menerusi ciapan di Twitter, semalam.

Notis berkenaan dikeluarkan mengikut Seksyen 32B Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Dalam ciapan sama, Khairy turut berkongsi data Penguatkuasaan PPKHT bagi tahun 2018 hingga tahun lalu yang menyaksikan secara keseluruhan sebanyak 57,268 notis kesalahan merokok di tempat awam dikeluarkan pada 2018; 50,946 (2019); 34,338 (2020) dan 15,163 (2021).

Sementara itu, gabungan badan bukan kerajaan (NGO) Rakan Strategik Gegar Wanita dalam satu kenyataan semalam berharap agar semua Ahli Parlimen terutama wakil rakyat wanita meluluskan Rang Undang-Undang Tembakau dan Merokok yang dijangka dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat kali ini.

Presiden Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH) Roslizawati Md Ali yang mewakili Rakan Strategik Gegar Wanita turut menggesa agensi penguatkuasaan yang lain membantu KKM dalam usaha membendung pas-



Tahniah kepada penguatkuasa SIP (Sektor Inspektorat dan Perundangan) KKMPutrajaya. Insya'Allah Julai-Disember lagi hebat dan dasyat! #GEG#NoSmoking"

Khairy Jamaluddin

ran rokok tidak sah.

Rakan Strategik Gegar Wanita diterajui MyWATCH, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Persatuan Mencegah Dadah (Pemadam) Kebangsaan, Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM), Persatuan Kesihatan Remaja Malaysia (MAAH) dan Persatuan Kesihatan IKRAM Malaysia (IKRAM Health).

Sebelum ini, Khairy berkata, Kabinet meluluskan draf rang undang-undang itu dan beliau dijangka membentangkan rang undang-undang itu pada sidang Parlimen ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : NEGARA



Serangan influenza, wad hospital penuh

KAPASITI wad di kebanyakan hospital di seluruh negara dilaporkan berada pada tahap kritikal mulai bulan ini apabila menerima kemasukan mendadak terutamanya kanak-kanak yang diserang wabak influenza dengan simptom demam, batuk, selesema dan sesak nafas.

Keadaan itu menyebabkan waktu menunggu pesakit untuk mendapatkan rawatan sebelum dimasukkan ke wad meningkat melebihi empat jam hingga memaksa pihak hospital mengoptimumkan penggunaan katil melalui sistem koordinasi berpusat.

Walaupun situasi tersebut agak mencemaskan

kebanyakan hospital, namun masih dalam keadaan terkawal dengan pengaktifan beberapa pelan kecemasan termasuk menggunakan kaedah yang dibuat ketika berdepan ancaman Covid-19.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Katil di kebanyakan hospital kini hampir penuh untuk tampung pertambahan pesakit

Wabak influenza punca wad jadi sesak

Oleh MUHAMMAD AYMAN
CHAFFA, ROHANA MOHD. NAWI
dan NUR SYAZWANA MANSOR

KOTA BHARU – Peningkatan kes influenza yang ketara di beberapa negeri telah mengakibatkan katil di wad-wad perubatan dan pediatrik di kebanyakan hospital melebihi kapasiti ekoran sesak dengan pesakit dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak.

Situasi getir itu telah menyebabkan waktu menunggu pesakit untuk dimasukkan ke wad meningkat sehingga melebihi empat jam ketika ini.

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) dalam satu kenyataan mengesahkan situasi yang semakin meruncing itu yang didakwa bermula sejak awal bulan ini.

Pengarahnya, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, berlaku peningkatan ketara kemasukan pesakit ke wad perubatan dan pediatrik terutamanya di hospital-hospital berpakar.

Katanya, JKNK telah mengoptimalkan penggunaan katil di hospital-hospital melalui sistem koordinasi berpusat dan rujukan secara pengezonan.

"Ia bertujuan mengurangkan rujukan pesakit ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini. Kita telah menukar wad-wad di hospital daerah yang mempunyai bilangan pesakit sedikit kepada wad multidisiplin bagi menampung pertambahan tersebut.



GAMBAR yang tular menunjukkan kapasiti katil wad sebuah hospital yang penuh dengan pesakit baru-baru ini.

"Selain itu, kita juga akan meningkatkan bilangan katil di hospital-hospital daerah dan mobilisasi (pergerakan petugas) dari hospital di negeri ini untuk operasi di wad tambahan yang baharu," katanya.

Menurut Dr. Zaini, JKNK telah mencadangkan agar Hospital Kuala Krai beroperasi semula bagi mengimbangi dan mengelakkan peningkatan kemasukan

pesakit ke wad perubatan dan pediatrik.

Tambahnya, mereka berharap agar langkah itu dapat menangani isu kesesakan wad dengan segera bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan rawatan pesakit.

Sebelum ini tular mengenai kesesakan wad di HRPZ II, Hospital Pakar Perdana KPI, Kota Bharu Medical Centre dan Hos-

pital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian dan hampir tiada katil untuk pesakit baharu.

Sementara itu di **Alor Setar**, **Kedah** kapasiti katil di semua wad hospital kerajaan sudah melebihi 90 peratus dengan kemasukan pesakit ekoran peningkatan kes influenza, jangkitan pernafasan akut teruk, penyakit tidak berjangkit, pembedahan dan prosedur elektif.



Wad yang paling tinggi penggunaan katil setakat ini ialah wad perubatan, wad kanak-kanak dan unit rawatan rapi."

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr. Othman Warjo berkata, Hospital Kulim merekodkan kadar pengisian katil paling tinggi iaitu sebanyak 105 peratus diikuti Hospital Sultan Abdul Halim di Sungai Petani (98 peratus) dan Hospital Sultanah Bahiyah (81 peratus).

"Wad yang paling tinggi penggunaan katil setakat ini ialah wad perubatan, wad kanak-kanak dan unit rawatan rapi.

"Kadar pengisian katil di wad kanak-kanak bagi semua hospital di negeri ini melebihi 90 peratus," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, pengisian wad lain adalah membabitkan kes penyakit tidak berjangkit dan Covid-19.

"Kami berkongsi penggunaan katil hospital bukan pakar dalam kemasukan pesakit.

"Pendekatan lain ialah melalui mobilisasi pakar ke hospital tanpa pakar, pengukuhan penilaian kes-kes Covid-19 yang berisiko rendah di rumah dan meminimumkan kes-kes elektif sekiranya kes kecemasan naik mendadak," ujarnya.

Datang waktu tengah hari elak ramai dapatkan rawatan



UNIT kecemasan HRPZ II menyediakan katil khas untuk pesakit sebelum ditempatkan di wad. – ROHANA MOHD. NAWI

KOTA BHARU – Kehadiran pesakit yang terlalu ramai telah menyebabkan petugas Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) memindahkan sebahagian daripada mereka ke rumah sakit di daerah berdekatan bagi mengurangkan kesesakan di wad.

Tinjauan mendapati tindakan segera itu dilihat telah berjaya mengurangkan kesesakan dan menjadikan keadaan di luar wad pediatrik terkawal.

Selain itu, pihak HRPZ II juga menyediakan banyak katil-katil khas di luar unit kecemasan hospital untuk kegunaan pesakit

yang menerima rawatan di unit tersebut sebelum ditempatkan di wad-wad.

Seorang pelawat, Zuraida Jusoh, 57, berkata, salah seorang ahli keluarganya yang mengalami demam dan batuk telah dihantar ke Hospital Pasir Mas selepas dimaklumkan wad HRPZ II penuh.

Katanya, ahli keluarganya perlu menunggu hampir sejam sebelum dipindahkan.

"Dalam tempoh itu, ramai pesakit yang mendaftar di bahagian kecemasan sebelum mereka ditempatkan di wad.

"Saya difahamkan semua hospital di Kota Bharu sudah penuh

kerana makin ramai penduduk yang menghidap demam dan batuk yang kritikal sehingga sesak nafas," katanya.

Seorang pesakit di HRPZ II, Ahmad Ali, 57, berkata, dia yang menghidap penyakit jantung dan paru-paru pernah datang pada waktu tengah hari untuk berjumpa doktor bagi mengelakkan kesesakan.

"Tengah hari pesakit kurang berbanding pada waktu pagi. Kebanyakan yang datang kerana demam dan batuk.

"Saya pun bimbang dengan kesihatan sendiri dan takut berjangkit dengan mereka," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kes baharu kembali lebih angka 5,000

PUTRAJAYA – Kes baharu Covid-19 mencatatkan peningkatan mendadak apabila 5,685 kes dilaporkan kelmarin dengan dua kes import berbanding hanya 3,902 kes sehari sebelumnya yang menjadikan jumlah kumulatif jangkitan virus tersebut di Malaysia sebanyak 4,597,803.

Berdasarkan data pada laman web COVIDNOW, sebanyak 2,340 pertambahan kes aktif telah dilaporkan kelmarin menjadikan jumlah kumulatif kes aktif dalam negara kini 45,484 kes.

Sebanyak 3,337 kes sembuh daripada Covid-19 juga telah dilaporkan yang menjadikan jumlah keseluruhan pesakit pulih jangkitan virus itu kini mencecah 4,554,286 kes.

"Selangor terus mencatatkan peningkatan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 2,024 kes, diikuti Kuala Lumpur (1,834), Perak, (357), Sabah

(279), Negeri Sembilan (230), Pulau Pinang (205), Melaka (147) serta Johor dan Kedah (masing-masing 126 kes).

"Turut menyumbang kepada peningkatan kes harian adalah Putrajaya (92), Sarawak (85), Pahang (63), Kelantan (53), Terengganu (41), Labuan (15) dan Perlis (lapan)," demikian laporan data pada laman web tersebut semalam.

Pada masa sama, sebanyak 13 kematian dilaporkan dengan lima kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) seterusnya menjadikan jumlah kematian sebanyak 35,878, manakala BID pula sebanyak 7,614 setakat ini.

Sebanyak 43,858 kes dikuarantin di rumah, 39 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 1,531 kes di hospital, 21 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 35 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.



ORANG ramai membuat saringan kesihatan percuma oleh Kesihatan Awam Selangor di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ampang Jaya baru-baru ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

30,311 notis penguatkuasaan rokok dikeluarkan tahun ini

PUTRAJAYA – Sebanyak 30,311 notis penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 direkodkan untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini, berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Jumlah terbabit melibatkan Bil Notis Seksyen 32B dikeluarkan pada Januari hingga Jun di mana pada tahun lalu, sebanyak 6,111; 2020 (16,844); 2019 (21,876) dan 2018 (24,544).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sehingga Jun 2022 (enam bulan pertama tahun ini), merupakan tahun paling banyak penguatkuasaan dilaksanakan terhadap peraturan larangan merokok di tempat awam.

"Tahniah kepada penguat kuasa Sektor Inspektorat dan Perundangan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Insya-Allah, bulan Julai sehingga Disember lagi hebat dan

dahsyat!," katanya dalam satu hantaran di Twitter beliau semalam.

Sebelum ini, media melaporkan beliau memberi komitmen untuk melaksanakan undang-undang melarang penjualan tembakau dan produk rokok lain kepada sesiapa yang dilahirkan selepas tahun 2005.

"Seperti beberapa Pejabat Serantau bagi Pasifik Barat (WPRO) di negara lain, Malaysia berharap untuk meluluskan satu undang-undang pada tahun ini yang akan membawa kepada generasi tidak merokok.

"Ia dengan melarang penjualan tembakau dan produk rokok lain kepada sesiapa yang dilahirkan selepas 2005 dan Malaysia merasakan ia memberi impak besar dalam mencegah dan mengawal Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)," katanya.



SEBANYAK 30,311 notis dikeluarkan berkait larangan merokok di tempat awam dalam tempoh enam bulan tahun ini. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DEWAN RAKYAT

Bincang keperluan ketum dan kanabis

KUALA LUMPUR - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum yang pertama diadakan pada Isnin ini.

Menurutnya, untuk ketum, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menilai bukti terlebih dahulu sebelum ia boleh digunakan.

"Bagi kanabis, berkemungkinan besar kita keluarkan pendaftaran bagi produk yang ada kaitan dengan kanabidiol (CBD) menjelang akhir tahun ini supaya dapat dipertimbangkan pendaftarannya dan penggunaan untuk penyakit tertentu pada tahun hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung Rang Undang-Undang (RUU) Racun (Pindaan) 2022 di Dewan Rakyat.



KHAIRY

Khairy menjawab pertanyaan Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin (**PH-Hang Tuah Jaya**) mengenai hala tuju ketum di negara ini dan adakah produk ketum dapat dijual.

RUU Racun (Pindaan) 2022 kemudian diluluskan dengan sebulat suara di

Dewan Rakyat.

Pindaan itu bagi memperkukuhkan kawalan ke atas racun dan bahan psikotropik serta memberi fleksibiliti dalam pengendalian racun untuk tujuan yang sah, selain mengemas kini Akta 366 agar selaras dengan keperluan semasa.

Untuk rekod, akta itu dipinda kali terakhir pada 1988 melalui Akta Racun (Pindaan) 1988 [Akta A695], yang antara lain memperuntukkan kesalahan berkaitan bahan psikotropik.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

30,311 notis kesalahan merokok dikeluarkan

KUALA LUMPUR - Sebanyak 30,311 notis kesalahan merokok di tempat awam dikeluarkan sejak Januari hingga Jun tahun ini, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, tahun 2022 merupakan tahun paling banyak penguatkuasaan dilaksanakan terhadap peraturan larangan merokok di tempat awam.

"Tahniah kepada penguat kuasa SIP (Sektor Inspektorat dan Perundangan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Putrajaya. Insya-ALLAH Julai-Disember lagi hebat dan dahsyat! #GEG #NoSmoking," katanya menerusi ciapan di Twitter pada Khamis.

Notis berkenaan dikeluarkan mengikut Seksyen 32B Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Dalam ciapan sama, Khairy turut berkongsi data Penguatkuasaan PPKHT bagi tahun 2018 hingga tahun lepas, yang menyaksikan secara keseluruhan sebanyak 57,268 notis kesalahan merokok di tempat awam dikeluarkan pada 2018; 50,946 (2019); 34,338 (2020) dan 15,163 (2021).

Sementara itu, gabungan badan bukan kerajaan (NGO) Rakan Strategik GEGAR Wanita dalam kenyataan pada Khamis berharap agar semua ahli Parlimen terutama wakil rakyat wanita meluluskan Rang Undang-Undang Tembakau dan Merokok yang dijangka dibentang pada sidang Dewan Rakyat kali ini.

Presiden Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH), Roslizawati Md Ali yang mewakili Rakan Strategik GEGAR Wanita turut menggesa agensi penguatkuasaan yang lain membantu KKM dalam usaha membendung pasaran rokok tidak sah. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kementerian perhalusi ketum sebagai ubat

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan sedang memperhalusi produk-produk ketum yang sesuai untuk didaftarkan di negara ini bagi tujuan perubatan.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, beliau dilantik oleh Kabinet sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum bagi tujuan perubatan untuk melihat bukti terkini berkenaan ketum dan kanabis.

“Selepas mendapat pandangan pakar sama ada ketum atau kanabis boleh digunakan dengan selamat untuk tujuan perubatan, maka, kita akan keluarkan kerangka bagi pendaftaran produk-produk sedemikian.

“Ini juga memberi kesan ke-



KETUM jika dluluskan oleh kerajaan untuk tujuan perubatan juga akan membantu penanamnya menambah pendapatan.

pada penanam-penanam ketum yang mungkin boleh mendapatkan hasil ekonomi daripada penjualan tanaman ketum mereka,”

katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan dalam sidang Dewan Rakyat semalam.

Tambahnya, Jawatankuasa

Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum akan mengadakan mesyuarat pertama Isnin ini.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad berkata, orang ramai yang mahu mendapatkan visa haji furada seharusnya berurusan dengan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan agensi-agensi pelancongan yang dilesenkan oleh lembaga tersebut iaitu syarikat Pengelola Jemaah Haji (PJH) dan anak syarikatnya, TH Travel & Services Sdn. Bhd.

“Rata-rata syarikat-syarikat PJH ini berpengalaman dalam menguruskan jemaah umrah dan haji,” katanya semasa sesi pertanyaan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION/NEWS

PREVENTING STUNTING

Health check incentive for kids under 5

TEH ATHIRA YUSOF
PETALING JAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry will introduce an incentive for parents to bring children under age 5 for routine checks at health clinics.

Health Minister Khairy Jamaluddin said this would improve parents' access to routine health checks for their kids.

"The ministry's health clinics see 80 per cent attendance for those under a year old, but it is the opposite for older toddlers.

"The concern is the declining rate of attendance for routine checks for children between the ages of 1 and 4, which is at 40 to 50 per cent. It goes down to 20 per cent among 5 to 6-year-olds.

"I have researched why the rate of people sending their children for routine checks drops. It is due to many factors, such as young parents not being able to get a day off or their pay will be cut," he said at the launch of the 10th anniversary event for IMFeD (Identification and Management of Feeding Difficulty) for Growth, the feeding, nutrition and growth programme by the Malaysian Paediatric Association (MPA).

He said the ministry planned to introduce a cash transfer programme for mothers for their children's first 1,000 days.

"The programme will focus on the first 1,000 days after a child is born until their second birthday, as this stage is crucial for mental and physical development."

Khairy said the ministry was committed to addressing stunting and would request for an allocation to buy measuring tools for public schools and preschools.

"We also have to monitor children outside the clinic setting. This is something I want to work on with the MPA and preschools.

"The feedback I received from kindergartens under the government and Education Ministry is that some schools don't have measuring tools or they don't work."

In 2018, IMFeD began a childhood growth screening and counselling campaign via its network of more than 200 private clinics. Under the campaign, doctors measure children's weight and height, assess their growth, identify risk factors if growth issues are evident and advise parents on how to manage the situation with nutritional and lifestyle interventions.

Data from more than 100,000 growth checks revealed that one in five children under age 5 was at risk of poor growth.

MPA president Dr Selva Kumar Sivapunniam said Malaysia had one of the region's highest childhood stunting rates, affecting one in five children aged 5 and below and one in 12 adolescents.

"This problem can be seen in both urban and rural families, irrespective of socioeconomic status. This is very worrying because stunting is associated with reduced immunity, cognitive impairment, as well as chronic diseases and reduced socioeconomic opportunities in adulthood."

Under IMFeD, a team of experts, including paediatricians, dietitians and psychologists, provide advice to address malnutrition.



Health Minister Khairy Jamaluddin (second from left) and Malaysian Paediatric Association president Dr Selva Kumar Sivapunniam (second from right) at IMFeD for Growth's 10th anniversary event in Petaling Jaya yesterday. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

including paediatricians, dietitians and psychologists, provide advice to address malnutrition.

IMFeD for Growth programme chairman Professor Dr Lee Way Seah said undernutrition was one of the most common factors contributing to stunting in children.

"Good nutrition is crucial for children's growth and development at all stages, especially during the formative period of 1 to 5 years old and early adolescence."

To reduce child stunting by eight per cent by 2030, in accordance with the Health Ministry's 2022-2030 National Strategic Plan to Address the Problem of Stunting in Children, IMFeD will hold a screening and counselling campaign from August to October.

Parents who are concerned about their children's growth are encouraged to consult their doctor or locate an IMFeD clinic by visiting [clinics.imfed.my/](https://www.imfed.my/).

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Draft to register CBD products to be ready by end of the year



Khairy: There is no proposal to make ketum plants a controlled substance under the Bill.

KUALA LUMPUR: Patients seeking alternative medical treatment may be able to use cannabis-based products by 2023 once the government comes up with a new framework to register cannabidiol (CBD) products by the end of the year, says the Health Minister.

Khairy Jamaluddin said the new committee on developing the cannabis and ketum industry for medical purposes, which he chairs, was set to hold its first meeting on Monday.

"For ketum, we are still looking at the evidence. But for cannabis, there is a huge possibility that we will come up with a framework for the registration of CBD-based products by the end of the year."

"So, the registration (of CBD products) can be considered and used by certain patients by next

year," he said during his speech on the amendments on the Poisons Act 2022 yesterday.

Khairy also said there was no proposal to make ketum plants a controlled substance under the Bill.

"However, the psychoactive alkaloid compound derived from the ketum plant is listed as a controlled substance," he said.

Once sufficient evidence is gathered on ketum, a framework will be drafted to allow its use for medical purposes.

Khairy said the Cabinet committee on developing the cannabis and ketum industry was now studying all medical evidence to ascertain their medical benefits.

"After this committee obtains views from experts on whether ketum and cannabis are safe to be used for medical purposes, we will

release the framework for registration for such products," he added.

Earlier, the amendments to the Poisons Act 2022 tabled by Khairy seek to beef up regulations on the sale of medicine by pharmacists and registered premises.

Among other amendments that will be introduced in the Poisons Act is a provision that increases penalties for offences relating to the sale, possession and use of psychotropic products to a fine of RM100,000 from RM10,000, or imprisonment of five years, or both.

The amendments will also allow pharmacists the option to register sales of prescribed medication through a written logbook or electronically.

Other proposed amendments also include a provision that allows

enforcement officers the power to check premises and confiscate any materials or articles that are against the Poisons Act.

Separately, Khairy said a total of 30,311 notices for offences related to smoking in public places were issued from January to June this year.

"Congratulations to the KKMPutrajaya Inspectorate and Legal Unit enforcement personnel. Insha'Allah, enforcement will be ramped up from July-December! #GEG #NoSmoking," he tweeted.

The notices were issued under Section 32B of the Control of Tobacco Products Regulations (PPKHT) 2004.

In the same post, he said 15,163 notices for smoking in public places were issued to offenders last year.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Reports by GERARD GIMINO, IYLIA MARSYA ISKANDAR and VENESA DEVI

Think of the children, please

Crowded and enclosed areas unsafe for kids, warn health experts

PETALING JAYA: Amid the rising number of daily Covid-19 cases, health experts are urging parents to take more serious precautions when bringing their children to public areas.

They say it is risky to bring young ones out in public, especially to crowded and confined places with minimal distancing or self-hygiene measures practised by those around them.

Experts also say the possibility of contracting long Covid alongside developing multi-system inflammatory syndrome Covid-19 (MIS-C) among unvaccinated children is another concerning reality.

Universiti Kebangsaan Malaysia public health expert Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said most children did not understand preventive measures such as mask wearing, maintaining physical hygiene or distancing.

"Hence, it is not advisable for

parents to bring young ones to crowded areas due to a higher risk of contracting Covid-19.

"Similarly, children under five also have a high risk of developing severe symptoms if they get infected," she said.

Given that both influenza and hand, foot and mouth disease cases were also on the rise, Dr Sharifa said parents should monitor their children's health as some could not articulate their symptoms.

"If your child has no appetite to eat, be sure to check whether they have a sore throat or fever."

"It is also important for parents to note how prolonged fevers reaching 38°C may cause seizures," she said, adding that parents should bring their children to the nearest healthcare facility if they showed any symptoms.

She noted that parents should also get their children vaccinated against Covid-19 and influenza.

Dr Sharifa also said long Covid could affect young children in the form of MIS-C, respiratory and neurological issues.

KPJ Selangor Specialist Hospital consultant paediatrician and paediatric cardiologist Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail said although it was concerning to see children in public areas without masks or physical distancing, it was not practical to tell families to stay home all the time.

"We must remember that children below five have not yet been given the vaccine, which leaves them susceptible to severe infections," he said when contacted.

Dr Zulkifli, who is also the Technical Committee chairman for the Immunise4Life Programme, said the low uptake of the Covid-19 vaccine among those aged between five and nine was also concerning given the current surge.

"Parents also do not have to

worry about side effects of the vaccine on their children as it is very rare at the 0.1mcg dose that is given," he said.

Dr Zulkifli mentioned that unvaccinated children or babies who were infected with Covid-19 also ran the risk of experiencing long Covid as well as MIS-C.

"These groups can also contract severe acute infections, which result in damage to the lungs and present a need for ventilation."

"This is especially severe among children who have other diseases such as cerebral palsy, diabetes, kidney disease or even obesity," he said, adding that risk of mortality was higher among children with comorbidities.

He added that although cases of long Covid or MIS-C were rare, he did have colleagues treating them, adding that they were always on the lookout for such cases.

Prof Dr Moy Foong Ming, of

Universiti Malaya's Department of Social and Preventive Medicine, said it was not advisable for parents to bring young children to crowded places with poor ventilation.

"For this, air-conditioned eateries and crowded shopping malls should be avoided," she added.

She said family members could also help protect those under five by getting both their vaccinations and booster shots.

"Parents should also teach their children ways to maintain hand hygiene and keep them at home when they feel sick," she noted.

As of Wednesday, only 41% of children aged five to 11 had received both doses of the Covid-19 vaccine, with 49.8% receiving at least one dose.

Of the total population, 83.9% had received both doses of the vaccine, 85.9% receiving one dose and 49.5% having received their boosters.

Parents on guard as cases rise again

PETALING JAYA: Gym manager Mohd Nazmi Mohd Zuki and senior fitness coach Muhammad Hafizuddin Abu Bakar are both keeping their infant sons at home and away from crowded areas.

Despite their fitness regimes, both men fear that their children might be exposed to Covid-19 as the number of cases continues to rise.

They are among many parents who are taking various precautions to keep their children safe.

Many have minimised outings or take their children only to less frequented public areas, and they restrict their kids from mixing with others.

Mohd Nazmi, 30, said he avoided bringing his one-year-old son to crowded areas.

"Previously, my wife and I would take him for trips to malls and even recreational parks weekly, but we have chosen to stay away from these areas lately."

"Although we still go to malls, we opt for ones with smaller crowds

and choose to go for strolls in the neighbourhood instead," he said.

Mohd Nazmi, who contracted Covid-19 previously, said his experience had prompted him to be more cautious.

For Muhammad Hafizuddin, 32, keeping his son away from crowded and confined areas was the norm even before the current spike.

"Although my wife and I are vaccinated, our two-year-old is not, so we prefer options where we can minimise any risk of exposing him to the virus."

"We only take him to less crowded areas and outdoor playgrounds," he said.

Teacher Siti Amirah Azmi, 26, said she did not allow other people to hold her three-month-old son.

"If they insist on doing so, they must wash and sanitise their hands first."

"My husband and I also take a shower as soon as we get home before tending to our son," she added.



Safety first: More parents are becoming more wary about bringing their children to public places as a precaution against Covid-19. — SAMUEL ONG/The Star

Apart from Covid-19, she is also concerned about her child coming down with influenza or hand, foot and mouth disease.

Yesterday, the Health Ministry's

CovidNow portal reported 5,685 daily Covid-19 cases, an all-time high since late April. This brings the total number of cases in the country to 4,635,648 infections since the

pandemic began.

Eight Covid-19 deaths were also reported yesterday, including five classified as brought-in-dead, bringing the death toll to 35,878.

Health trumps fear for seniors getting second booster jab

PETALING JAYA: The fear of the rising number of Covid-19 cases is trumping the fear of side effects as more senior citizens are now willing to get their second booster shot.

Despite the initial hesitance, they now say it is better to take the necessary steps to protect themselves.

Universiti Kebangsaan Malaysia public health expert Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said many were hesitant to get booster shots due to pandemic fatigue and a fear of potential side effects.

"There are also groups advising

others not to do so," she said.

She stressed that a booster shot would prevent severe complications from the virus.

"Every time you get a booster, you are protecting yourself against infections and new variants."

"The sub-variants BA.4 and BA.5 are also known to evade immunity, which can cause reinfection," she said.

A retiree who wanted to be known only as Brian, 66, said he was still undecided about taking his second booster shot despite the

Health Minister's call for seniors to do so.

"I'm mainly hesitant because of the side effects from my first booster dose that left me feeling weak and frail for a week."

"But I may as well brave the side effects as cases seem to be on an upward trend. I wouldn't want to endanger my health," he added.

He said he would get his daughter to contact the nearest vaccination centres in the area to check whether walk-ins were permitted.

Tutor Suzanna Hamdan, 54, said

she would only take the second booster jab if the vaccine was the same as her first one.

"I had a fever after my first two doses but did not experience any side effects when I took a different vaccine as a booster," she noted.

Housewife Caryn Chan, 51, said she was open to getting her second booster shot once an appointment is given.

"I understand its importance and will not hesitate once a date is given," she said, adding that she had been down with Covid-19 earlier.

Sheila Muhammad, 32, is taking a wait-and-see approach until reports on side effects of the fourth dose are made public.

"If three doses are enough to prevent severe symptoms when infected, I don't think it would be necessary to take the extra jab," she said.

In Johor Baru, retiree A. Dave Madhavan, 63, said he planned to take the second booster shot as those who are 50 and above need extra protection against Covid-19.

"We can see that there are many variants these days," he said.